

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 2 (04)

Tarikh : 26 November 2019

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 9/2019

PELAKSANAAN TEMPOH PEMBELAJARAN MELEBIHI 43 MINGGU DAN BEBAN PEMBELAJARAN PELAJAR MELEBIHI 50 KREDIT SETAHUN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Makluman MQA Bil. 2/2016: Pelaksanaan Khas Tempoh Pembelajaran Melebihi 43 Minggu dan Beban Pembelajaran Pelajar Melebihi 50 Kredit Setahun bertarikh 15 Februari 2016.

2. Berdasarkan kepada Surat Makluman MQA Bil. 2/2016, Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dibenarkan untuk melaksanakan tempoh pembelajaran sehingga 45 minggu dengan penambahan 1-2 kredit yang membawa kepada jumlah maksimum 52 kredit dalam 1 tahun pengajian bagi situasi pengendalian peperiksaan dan pelaksanaan latihan industri.

3. Selaras dengan dasar tersebut, Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)-MQA telah memutuskan untuk meluaskan pelaksanaan tempoh pembelajaran melebihi 43 minggu kepada program yang mempunyai pengendalian amali.

4. Justeru, PPT dibenarkan untuk melaksanakan tempoh pembelajaran sehingga 45 minggu dengan penambahan 1-2 kredit yang membawa kepada jumlah maksimum 52 kredit dalam 1 tahun pengajian bagi 3 situasi berikut:

- i. Pengendalian peperiksaan;
- ii. Pengendalian amali; dan
- iii. Pelaksanaan latihan industri.

5. Namun begitu, MQA ingin menjelaskan bahawa tempoh pembelajaran sehingga 45 minggu bagi situasi pengendalian peperiksaan tidak boleh dirancang daripada peringkat awal (*by design*). Ia terpakai hanya apabila terdapat pertambahan minggu peperiksaan.

6. Diharapkan agar semua PPT mengambil maklum akan ketetapan berkenaan sistem semester daripada segi tempoh dan beban pembelajaran maksimum pelajar dalam satu tahun pengajian dan seterusnya memastikan pelaksanaannya dapat dirancang dengan teratur.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pendidikan
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 4, Bangunan Canselori
Universiti Malaysia Terengganu
21030 KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR

9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia
43400 SERDANG, SELANGOR

10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Presiden
Universiti Multimedia
Persiaran Multimedia
63100 CYBERJAYA, SELANGOR